

02 JAN 1997

MAJU YAKIN MASA DEPAN CERAH BAGI PERWAJA STEEL

KUALA LUMPUR, 2 Jan (Bernama) -- Maju Holdings Sdn Bhd, yang telah diberikan 51 peratus kepentingan dalam Perwaja Steel Sdn Bhd, hari ini menyuarakan keyakinan tentang masa depan yang cerah bagi syarikat yang dilanda masalah itu.

"Kesemua kami seramai 3,608 orang di Perwaja Steel dan Maju Holdings amat gembira dengan kenyataan Perdana Menteri di Terengganu malam tadi, yang merupakan pengumuman pertama tentang pelantikan kami," kata pengarah urusan kumpulan Maju Holdings, Abu Talib Mohamed dalam stu kenyataan di sini.

Abu Talib yang juga ketua eksekutif Perwaja Steel berkata: "Semua kami di Perwaja Steel dan Maju Holdings beriltizam tinggi bagi memenuhi malah melebihi harapan kerajaan, pelanggan kami dan negara terhadap kami."

Datuk Seri Dr Mahathir berkata bahawa Terengganu akan terus memegang 19 peratus manakala baki 30 peratus dipegang oleh kerajaan.

Di samping memegang 51 peratus saham Perwaja, Maju Holdings juga akan menguruskan syarikat keluli itu di bawah Equal Concept Sdn Bhd, yang merupakan pengurus sementara selama enam bulan berakhir 31 Disember, 1996.

Dr Mahathir juga mengumumkan bahawa kerajaan akan menyerap hutang Perwaja Steel berjumlah RM2.9 bilion kerana ia mahu Maju Holdings mengambil alih syarikat itu dengan rekod yang bersih.

Hutang terkumpul dan kerugian Perwaja berjumlah RM6 bilion. Menurut Dr Mahathir, kerajaan akan cuba menutup kerugian itu melalui sumber-sumber lain.

Abu Talib berkata kemajuan yang dicapai dalam tempoh enam bulan dari segi daya pengeluaran, kualiti dan peningkatan khidmat pelanggan menjadi bukti iltizam dan keupayaan kakitangan untuk memulihkan Perwaja Steel.

Semasa Equal Concept mula-mula mengambil alih Perwaja Steel, syarikat itu mengeluarkan 60,000 tonne bilet sebulan, iaitu lebih sedikit daripada keupayaan sebenarnya sebanyak 100,000 tonne.

Sedikit demi sedikit, pengeluaran meningkat kepada 91,000 bagi bulan November.

"Setelah kami mendengar secara rasmi daripada kerajaan tentang pelantikan kami, bolehlah kami bercakap tentang butir-butir terperinci rancangan kami," tambah Abu Talib. -- BERNAMA

AD KY MA